



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN SANTUNI WARIS MANGSA NAHAS, SALUR BANTUAN PENDIDIKAN MELALUI SIMPAN SSPN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah Kasih PTPTN telah menziarahi waris kepada Allahyarham Amirul Hafiz Omar di Batu Kurau, Perak iaitu mangsa tragedi nahas kemalangan jalan raya akibat dirempuh pemandu mabuk dalam satu kejadian di Jalan Raya Barat, Klang, Selangor. Sesi ziarah telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN, YBrs. Puan Wan Zawiah binti Wan Abu Bakar, Pengurus Besar, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Encik Andi Nurali bin Mohamed, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Perak.
2. PTPTN telah menzahirkan keprihatinan dengan menyantuni serta menyampaikan sumbangan kepada tiga (3) orang anak mangsa sebagai tanda sokongan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR). Sumbangan diberikan dalam bentuk simpanan Akaun Simpan SSPN Prime berjumlah RM3,000, dengan setiap anak menerima RM1,000.
3. Menurut YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN, "PTPTN berharap sumbangan melalui inisiatif CSR ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan ditanggung oleh waris yang kehilangan insan tersayang. Walaupun tiada apa yang mampu menggantikan kehilangan seorang suami dan bapa, kami berharap sumbangan ini dapat menjadi sokongan bermakna dalam memastikan pendidikan anak-anak Allahyarham terus terbela, di samping membantu mereka meneruskan kehidupan dengan lebih tabah."
4. "PTPTN telah mewujudkan instrumen simpanan melalui Simpan SSPN sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan untuk manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas

simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful percuma ke atas pendeposit, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan dijamin Kerajaan dan patuh syariah,” tambah beliau lagi.

5. Produk Simpan SSPN Plus menawarkan enam (6) pakej serendah RM30 sebulan (Pakej Intan) hingga RM500 sebulan (Pakej Berlian) dengan manfaat perlindungan takaful ke atas pendeposit sehingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak serta perlindungan takaful sehingga umur pendeposit 69 tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

6. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan terus komited dalam meningkatkan pelaksanaan program-program CSR terutamanya dalam aspek pendidikan demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan tagline PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu.

7. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperolehi melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan Oleh :

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
8 April 2026**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019-3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019-354 2388)